



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

HUBUNGKAIT ANTARA STAIL KEPIMPINAN PENTADBIR DENGAN KEPUASAN KERJA GURU SUKAN/PENDIDIKAN JASMANI DAERAH KENINGAU, SABAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ZAIMI BIN SALAGAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2007



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**HUBUNGKAIT ANTARA STAIL KEPIMPINAN PENTADBIR DENGAN
KEPUASAN KERJA GURU SUKAN/PENDIDIKAN JASMANI DAERAH
KENINGAU, SABAH**

ZAIMI BIN SALAGAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PROJEK KAJIAN YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA SAINS SUKAN**

FAKULTI SAINS SUKAN

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
TANJUNG MALIM, PERAK DARUL RIDZUAN**

2007



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGAKUAN

Saya akui projek kajian ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya.

21 APRIL 2007



ZAIMI BIN SALAGAN



PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Shahrudin Abd. Aziz selaku penyelia projek kajian ini yang telah banyak memberi bimbingan, dorongan, tunjuk ajar dan cadangan dalam usaha menyempurnakan penulisan projek kajian ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga ditujukan kepada semua pensyarah yang mengajar Eksekutif Sarjana Pendidikan Sains Sukan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim Perak kerana telah memberi pengetahuan yang praktikal dan pengalaman pembelajaran yang sungguh bernilai kepada saya sepanjang tempoh program ini.



Terima kasih juga diucapkan kepada pengetua-pengetua dan guru-guru sukan sekolah-sekolah yang terlibat kerana memberikan kerjasama dan keizinan kepada penulis untuk melaksanakan kajian.

Penghargaan paling istimewa ditujukan khas untuk isteri tersayang Losy Binti Pingai, anak-anak saya Royston Zaimi (17), Charles V. Zaimi (16), Lady Jane Zaimi (12) dan Efani Philma Zaimi (3) kedua ibu bapaku serta seluruh ahli keluarga yang telah banyak memberi dorongan yang penuh bermakna dalam kehidupan keluarga saya.

Akhir kata buat rakan seperjuangan yang turut sama memberi sokongan, dorongan dan bantuan untuk menyiapkan penulisan projek ini. Doakanlah kejayaan kita bersama.





ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu kajian di sekolah-sekolah harian di daerah Keningau, Sabah. Data dikumpul melalui soal selidik yang diedarkan kepada 32 orang guru sukan sekolah. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti hubungan antara stail kepimpinan pengetua dengan kepuasan kerja guru sukan. Dapatan data dianalisis menggunakan program 'Statistical Package For Social Science (SPSS). Untuk memperolehi data demografi guru-guru sukan perlu mengisi maklumat tentang umur, jantina dan pengalaman mengajar untuk melihat perbezaan kepuasan kerja guru-guru sukan. Korelasi Pearson r digunakan untuk melihat perkaitan antara pembolehubah manakala Ujian-t dan analisis varians ANOVA sehalu digunakan untuk menentukan perbezaan dalam kepuasan kerja. Aras signifikan .05 digunakan untuk menentukan samada hipotesis diterima dan ditolak. Hasil daripada kajian mendapati bahawa pengetua lebih mengamalkan stail kepimpinan yang sederhana (min = 3.57 dan sisihan piawai = 0.32) dan guru-guru sukan menunjukkan kepuasan kerja mereka pada tahap yang sederhana melalui perolehan pada min (min = 2.92 dan sisihan piawai 0.35). Kajian ini juga mendapati hubungan antara kepuasan kerja guru-guru sukan dan stail kepimpinan wujud satu hubungan yang sederhana kuat ($r = 0.49$). Daripada analisis data didapati Hipotesis 1 diterima kerana tidak terdapat hubungan yang signifikan antara stail kepimpinan dengan kepuasan kerja guru-guru sukan begitu juga dengan Hipotesis 2 dan 4 diterima kerana tidak terdapat perbezaan kepuasan kerja guru-guru sukan mengikut umur dan jantina manakala bagi Hipotesis 3 ditolak kerana terdapat perbezaan kepuasan kerja guru-guru sukan dengan pengalaman. Kajian ini mendapati pengetua telah mempamerkan stail kepimpinan yang memberi kesan kepada kepuasan kerja guru-guru sukan. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara stail kepimpinan dengan kepuasan kerja guru-guru sukan daerah Keningau.





ABSTRACT

The study was carried out in schools in the Keningau district. The data was collected by means of questionnaire that was distributed to 32 sports teacher. The objective of the study was to identify the relationship between the leadership style of principals and the job satisfaction of sports teacher in schools. The data was analysed by means of the Statistical Package For Social Science Programme (SPSS) programme. The sports teachers had to fill in their personal particulars of their age, sex and teaching experience to evaluate the differences in their job satisfaction. The Pearson Correlation of r is used to evaluate the relationship between the variables, whereas a T-Test and variance analysis ANOVA is used to determine the differences in job satisfaction. A significant level of 0.5 is used to determine the reliability and validity of the hypothesis. The research shows that principals are towards a moderate leadership style (mean=3.57 with a standard deviation=0.32). Sports teachers shoe a relatively moderate job satisfaction with mean of 2.92 and standard deviation of 0.35. The research also shows a moderate strong relationship between job satisfaction of sports teachers and leadership style ($r=0.49$). The data analysis shows that the 1st Hypothesis is proven because there was no significant ralationship between leadership styles and job satisfaction. The 2nd Hypothesis and 4th Hypothesis are also proven because there were no correlation on the job satisfaction of sports teachers based on their age and sex. The 3rd Hypothesis however is not proven because there was differences of job satisfaction of sports teachers and their experiences. The studies show that the leadership styles of prinsipals has a positive effect on the job satisfaction of sports teachers. This study therefore, show that there is a significant relationship between leadership of principals and job satisfaction of sports teachers in the Keningau district.



**KANDUNGAN****Halaman**

PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
BAB I PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Pernyataan Masalah	6
1.3 Kerangka Konseptual	7
1.4 Tujuan Kajian	8
1.4.1 Objektif Kajian	8
1.4.2 Persoalan Kajian	9
1.4.3 Hipotesis Kajian	9
1.5 Kepentingan Kajian	10
1.6 Batasan Kajian	10
1.7 Definisi Operasional	11
BAB II TINJAUAN LITERATUR	
2.1 Pendahuluan	14
2.2 Konsep dan Teori Kepimpinan	15
2.3 Teori dan Konsep Stail Kepimpinan	19
2.4 Rumusan	26



2.5	Konsep dan Teori Kepuasan Kerja	27
2.6	Kajian Hubungan Antara Stail Kepimpinan Dan Kepuasan Kerja di Bidang Pendidikan	30
2.7	Rumusan	32

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	33
3.2	Rekabentuk Kajian	34
3.3	Responden Kajian	34
3.4	Instrumen Kajian	33
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	36
3.6	Analisis Data	37

BAB IV DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	40
4.2	Latar Belakang Responden	42
4.2.1	Ciri-ciri Demografi	41
4.2.2	Kelulusan Akademik dan Ikhtisas	42
4.2.3	Pengalaman Mengajar dan Kursus Yang Dihadiri	43
4.3	Apakah Jenis Stail Kepimpinan Pengetua Di Sekolah Yang Dikaji	44
4.3.1	Stail Kepimpinan Demokratik	44
4.3.2	Stail Kepimpinan Autokratik	45
4.3.3	Ciri-Ciri Kepimpinan Am Pengetua	46
4.3.4	Apakah gaya kepimpinan yang diamalkan oleh pengetuadi daerah Keningau?	48

4.4

Apakah Kepuasan Kerja Guru-Guru Sukan Di Sekolah Yang Dikaji

48

4.4.1 Kategori Pengiktirafan

49

4.4.2 Kategori Tanggungjawab

50

4.4.3 Kategori Peluang Memajukan Diri

51

4.4.4 Kategori Pencapaian

52

4.4.5 Kategori Dasar Organisasi dan Pentadbiran

53

4.4.6 Kategori Penyeliaan Teknikal

54

4.4.7 Kategori Hubungan Antara Individu

55

4.5

Apakah Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Stail Kepimpinan Pengetua dan Kepuasan Kerja Guru-Guru Sukan Di Sekolah Yang Dikaji

57

4.5.1 Perbezaan Kepuasan Kerja Guru Mengikut umur Pengalaman mengajar dan Jantina

58

4.5.2 Adakah Terdapat Perbezaan Kepuasan Kerja

Berdasarkan umur ?

58

4.5.3 Adakah Terdapat Perbezaan Kepuasan Kerja Guru Berdasarkan Pengalaman Mengajar

59

4.5.4 Adakah Terdapat Perbezaan Kepuasan Kerja Guru Berdasarkan Jantina ?

60

BAB V

PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Perbincangan

61

5.2 Rumusan

67

5.3 Cadangan

69

5.4 Kesimpulan

72



BIBLIOGRAFI

74

LAMPIRAN

Borang Soal Selidik

76

Surat-surat Kebenaran

85



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Halaman
1. Teori X dan Teori Y	24
2. Pekali Cronbach Alfa	37
3. Skala Davis	37
4. Ciri-ciri Demografi	41
5. Bilangan Responden Berdasarkan Umur	42
6. Kelulusan Akademik dan Ikhtisas	42
7. Pengalaman Mengajar, Gaji dan Kursus yang dihadiri	43
8. Item dan Skor Stail Kepimpinan Demokratik	44
9. Item dan Skor Stail Kepimpinan Autokratik	45
10. Item dan Skor Ciri-ciri Am	46
11. Skor Min Keseluruhan Stail Kepimpinan	47
12. Bil. Sampel, Min dan Sisihan Piawai Stail Kepimpinan Dan Kepuasan Kerja Guru	48
13. Kategori Pengiktirafan	49
14. Kategori Tanggungjawab	50
15. Kategori Peluang Memajukan Diri	51
16. Kategori Pencapaian	52
17. Kategori Dasar Organisasi dan Pentadbiran	53
18. Kategori Penyeliaan Teknikal	54
19. Kategori Hubungan Antara Individu	55
20. Min Keseluruhan Bagi Kepuasan Kerja	56



- | | | |
|-----|---|----|
| 21. | Hubungan Antara Stail Kepimpinan Pengetua dan
Kepuasan Kerja Guru-Guru Sukan | 57 |
| 22. | Ringkasan ANOVA Sehal Perbezaan Kepuasan Kerja mengikut
Umur | 59 |
| 23. | Ringkasan ANOVA Sehal Perbezaan Kepuasan Kerja Guru
Mengikut Pengalaman Mengajar | 59 |
| 24. | Ujian-t Sampel Bebas Terhadap Kepuasan Kerja Guru-Guru
Sukan Daerah Keningau | 60 |





SENARAI RAJAH

No. Rajah		Halaman
1	Hieraki Pentadbiran Pendidikan Di Malaysia	2
2	Kerangka Konseptual	8
3	Grid Pengurusan Blake dan Mouton	22
4	Asas Pergerakan Keperluan Manusia Dalam Hieraki Maslow	28





BAB I

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN



Sekolah merupakan unit yang paling penting dalam sistem pendidikan bagi pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran. Pembudayaan sesebuah masyarakat bermula dari sekolah. Dengan itu, berbagai-bagai usaha telah dilakukan untuk mempertingkatkan lagi pembangunan pelajaran dan pencapaian prestasi dalam peperiksaan pelajar di sekolah. Pencapaian matlamat akan tercapai dengan pentadbir menunjukkan komitmen yang tinggi terhadap usaha itu dengan memberi kepimpinan yang berkesan (Omardin Ashaari 1996). Kejayaan mutlak bukan hanya pada pengetua, tetapi paduan kerjasama di kalangan ahlinya kerana sesebuah sekolah itu dicirikan oleh dua unsur penting, iaitu pemimpin dan pengikutnya (Md. Zhahir Kechot 2000).

Sekolah sebagai sebuah organisasi yang memiliki beberapa ciri yang serupa dengan ciri-ciri organisasi kompleks yang lain. Menurut pendapat Liphen dan Hoeh (1974), ciri-ciri organisasi sekolah dapat dirumuskan kepada empat unsur penting iaitu:



- a) Orientasi matlamat berpunca daripada matlamat ibu bapa dan Kementerian Pendidikan. Matlamat ini menjadi kesepaduan matlamat organisasi.
- b) Interaksi antara anggota dalam sesebuah organisasi – aktiviti yang dikoordinasikan hanya dapat dilaksanakan dalam situasi yang melibatkan interaksi antara anggota.
- c) Struktur organisasi – dalam sesebuah organisasi, fungsi dan prosesnya dibahagikan kepada perhubungan dan prosedur bagi melaksanakan peraturan dan penilaian.
- d) Struktur hieraki – dalam sebuah organisasi, kuasa dibahagikan secara formal dari atas hingga ke bawah iaitu daripada ketua kepada orang bawahnya.

Bila disebutkan tentang hierarki, Malaysia mempunyai suatu sistem pendidikan berpusat dengan struktur pentadbirannya mempunyai empat hierarki yang jelas (Abdullah Sani & P.Kumar 1990), seperti pada Rajah 1 yang berikut :



Rajah 1 : Hierarki Pentadbiran Pendidikan di Malaysia

Di peringkat sekolah, pengetua atau guru besar adalah sebagai ketua pentadbir dan profesional dalam pentadbiran. Mereka dibantu oleh oleh;

- a) Penolong Kanan yang menguruskan hal-ehwal pentadbiran.
- b) Penolong Kanan yang menguruskan hal-ehwal pelajar.
- c) Penolong Kanan Ko-Kurikulum.
- d) Ketua Bidang.

Pihak pentadbiran khususnya pengetua adalah orang yang amat berpengaruh di sekolah dan sebagai pembolehubah bagi menentukan kejayaan atau kegagalan sesuatu program dan cita-cita pendidikan di sekolah (Hussien 1993). Stail kepimpinan pengetua adalah sebagai satu ciri tingkahlaku yang diamalkan.

Matlamat pendidikan sekolah menengah adalah untuk memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh, seimbang dan bersepadu meliputi aspek-aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani bagi melahirkan insan yang seimbang, harmonis dan berakhlak mulia (Kementerian Pendidikan Bersepadu Sekolah Menengah 1992).

Sementara itu, Kamaruddin Haji Husin (1994) membicarakan tentang ‘dinamika sekolah’ iaitu sesuatu yang membicarakan sekolah sebagai sebuah institusi. Sekolah dikatakan mempunyai hubungan dengan masyarakat, sebagai pusat perkembangan ilmu dan iklim bilik darjah adalah sebagai cermin persekolahan. Dinamika sekolah boleh dianggap sebagai sebahagian daripada psikologi sosial kerana sekolah mempunyai banyak kelompok manusia sosial didalamnya. Pakar psikologi sosial telah berusaha untuk menerangkan tingkahlaku kolektif atau dinamika kelompok atau tingkahlaku sosial dalam sesuatu perhimpunan, kumpulan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, aspek kepimpinan pengetua tidak dapat dipisahkan dengan pentadbiran dan pengurusan terutama dalam dunia pendidikan. Oleh itu, pengetua merupakan individu yang memainkan peranan penting (role) dan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kumpulan kerja yang berada dibawah kawalan.

Menurut Kamaruddin Hj Kachar (1989), pentadbiran pendidikan mempunyai tujuan tertentu dan yang paling jelas sekali ialah untuk menjayakan perlaksanaan sistem pendidikan

supaya objektif sistem pendidikan tercapai. Ini bermakna, pentadbiran pendidikan merupakan satu proses perkhidmatan dan antara aspek-aspek terpenting yang terlibat dalam proses ini termasuklah:

- a) Perancangan pendidikan
- b) Pengelolaan pendidikan
- c) Pengurusan personel pendidikan
- d) Pengarahan pendidikan
- e) Penyelarasan pendidikan
- f) Penyediaan belanjawan pendidikan
- g) Penilaian pendidikan

Selain daripada aspek-aspek di atas, pentadbiran pendidikan juga terlibat dalam proses membuat keputusan (decision making), perhubungan, pembinaan semangat (morale-building), mewujudkan perubahan (initiating change), penyelesaian masalah (problem-solving) dan tugas kepimpinan (leadership-function).

Sementara itu pula Thierauf (1977) dan Stoner (1984) telah menyentuh tentang empat aktiviti utama pengurusan iaitu: perancangan, pengelolaan, pengarahan dan kawalan. Perancangan melibatkan aktiviti merangka dan menentukan tindakan masa depan bagi penggunaan sumber-sumber secara optimum. Pengelolaan pula adalah pembentukan struktur organisasi yang tepat yang akan memudahkan penyempurnaan perancangan dan membantu mencapai matlamat organisasi. Pengarahan pula bermaksud bagaimana pentadbir memberi tugas dan mempengaruhi kakitangan serta mendapatkan kerjasama mereka untuk melaksanakan tugas-tugas penting. Akhir sekali iaitu pengawalan lebih bermaksud sebagai satu proses untuk menentukan atau menjamin supaya kegiatan pekerja terarah kepada pencapaian matlamat dan segala aktiviti hendaklah betul-betul selaras dengan perancangan.

Pengetua sebagai pentadbir dan pengurus hendaklah sentiasa peka dengan apa juga situasi dan berusaha untuk mengatasi masalah yang timbul dengan sebaik mungkin. Memahami keadaan ini, pengetua haruslah juga mendalami teori-teori dalam pengurusan

dan pentadbiran. Gaya atau stail kepimpinan pengetua sering kali dikaitkan dengan kejayaan, keharmonian dan hubungan kekitaan antara pengetua dan kakitangannya.

Untuk menjadi seorang pengetua yang cekap (Zaidatol Akmaliah Lope Pihie 1990) telah memberi garis panduan atau prinsip-prinsip am untuk mengurus dan mentadbir iaitu :

- a) Amalan demokrasi merupakan perhatian utama, jadi pertimbangan penting yang pengetua perlu lakukan ialah untuk mengurus guru secara individu dan kolektif.
- b) Kakitangan pengajaran dan profesional adalah kumpulan sosial yang kompleks dan memerlukan pakar untuk memenuhi keperluan dan keinginan mereka.
- c) Pengetua bertanggungjawab memudahkan interaksi antara kakitangan.
- d) Kesemua individu yang terlibat dalam sebarang keputusan hendaklah diberikan peluang menentukan corak tindakan yang perlu dilaksanakan.
- e) Pengetua hendaklah mengamalkan ciri-ciri kepimpinan demokratik.

Daripada prinsip yang telah dikemukakan oleh Zaidatol, dapatlah dirumuskan bahawa pengetua mestilah mempunyai hubungan interpersonal yang baik dengan guru dan beliau mengesyorkan supaya ciri-ciri kepimpinan demokratik perlu diamalkan. Satu persoalan yang perlu diambil perhatian adalah apakah implikasinya jika seseorang pengetua itu mengamalkan ciri-ciri kepimpinan autokratik dan hubungannya dengan kakitangan tidak memuaskan?

Oleh kerana kerja itu merupakan satu aspek penting dalam kehidupan, kualiti kehidupan bekerja juga perlu di berikan perhatian dengan sebaiknya. Beash (1980) (dalam

Saleman 1999), menyatakan bahawa tempat kerja selain daripada tempat melaksanakan aktiviti-aktiviti pekerjaan seharian, tempat kerja juga menjadi medan pertemuan sosial untuk berbincang, bertukar-tukar fikiran, bertemu dan berkongsi pengalaman dengan teman-teman sekerja.

Menurut Deal dan Kennedy (1982) (dalam Wan Rafaei, Habibah dan Malini 1993), budaya kerja yang kuat merupakan sistem peraturan informal yang memberitahu pekerja apa yang diharapkan dan apa yang patut dilakukan oleh mereka. Selain daripada itu, budaya kerja yang kuat membolehkan individu berasa gembira dan berpuas hati dan seterusnya lebih berusaha. Pekerja yang merasa bangga tentang organisasinya dijangka menghayati nilai-nilai budaya kerja dan seterusnya meningkatkan komitmen dan sumbangan mereka.

Oleh kerana kakitangan pengajaran dan professional adalah kumpulan sosial yang kompleks, pengetua haruslah memahami kehendak dan keperluan yang boleh memberi kepuasan seseorang dalam bekerja. Kepuasan bekerja akan memberi kesan kepada hasil kerja guru (Zaidatol Akmaliah Lope Pihie 1990) dan secara tidak langsung memberi gambaran tentang pentadbiran dan pengurusan seseorang pengetua.

Pengkaji mempercayai bahawa stail kepimpinan pengetua ada hubungan dengan kepuasan kerja guru. Sehubungan dengan itu, dalam kajian ini pengkaji akan memberikan tumpuan kepada ciri-ciri kepimpinan pengetua, kepuasan kerja guru-guru sukan dan hubungan antara stail kepimpinan pengetua dengan kepuasan kerja guru-guru sukan melalui guru-guru sukan di sekolah yang bakal dikaji.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Hubungan antara pengetua dengan kakitangan sekolah amat penting untuk mewujudkan keharmonian iklim sekolah dan seterusnya turut memberikan sumbangan terhadap matlamat pendidikan. Pencapaian akademik dan penglibatan sukan pelajar sering dilihat sebagai satu kayu pengukur terhadap keberkesanan kepimpinan pengetua.



Dalam keadaan ini ada sesetengah sekolah memperolehi pencapaian bidang sukan yang cemerlang, namun tahap kepuasan kerja guru-guru sukan adalah pada tahap yang minima. Ini memberi implikasi bahawa pengetua lebih mementingkan keegoan kuasa dan cita-citanya tanpa mengambil kira kebajikan dan kepuasan kerja guru-guru sukan sekolah.


Pengetua telah diberikan amanah untuk mengurus dan mentadbir sekolah dengan sebaik mungkin. Kadang-kadang pengetua tidak menyedari stail atau gaya kepimpinannya kurang disenangi oleh kakitangan bawahannya. Sering terdengar pengetua kurang memberi perhatian terhadap kebajikan guru, terlalu menekan guru, autokratik dan sebagainya. Keadaan ini boleh menjejaskan kepuasan kerja guru-guru sukan dan implikasinya mengugat tanggungjawab dan pelaksanaan tanggungjawab yang sepatutnya dilaksanakan.

Melihat kepada senario ini, pengkaji ingin menjalankan kajian untuk mengenalpasti kepimpinan yang “bagaimana” perlu dipunyai oleh seseorang pengetua yang dapat memenuhi cita rasa dan tahap kepuasan kerja seorang guru sukan dalam menjalankan tugas. Kajian juga akan cuba melihat hubungan antara stail kepimpinan pentadbir dan kepuasan kerja di kalangan guru-guru sukan sekolah di daerah Keningau, Sabah.

1.3 KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Kerangka konseptual kajian diubahsuaikan daripada model Yuki dalam Jaafar Sulaiman (1999) yang menunjukkan gaya kepimpinan boleh mempengaruhi suasana atau kepuasan kerja individu dalam organisasi.





RAJAH 2 : Model Kajian

Sumber : Diubahsuai daripada model Hubungan

1.4 TUJUAN KAJIAN

1.4.1 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meninjau guru-guru sukan sekolah terhadap stail kepimpinan pengetua, kepuasan kerja guru-guru sukan dan hubungannya antara stail kepimpinan pentadbir (pengetua) dengan tahap kepuasan guru-guru sukan. Secara khususnya objektif kajian ini ialah untuk :

- Mengenalpasti stail kepimpinan pengetua di sekolah-sekolah yang dikaji khususnya dalam bidang pengurusan sukan .
- Menguji tahap kepuasan kerja guru-guru sukan di sekolah.
- Mengenalpasti sejauhmanakah hubungan antara stail kepimpinan pengetua dengan kepuasan kerja guru-guru sukan di sekolah-sekolah yag dikaji.



1.4.2 Persoalan Kajian

Antara persoalan kajian yang ingin diketengahkan adalah seperti berikut:

- a) Apakah stail kepimpinan utama pengetua di sekolah?
- b) Apakah tahap kepuasan bekerja guru-guru sukan di sekolah-sekolah yang dikaji?
- c) Adakah terdapat perbezaan dari segi tahap kepuasan kerja guru mengikut umur?
- d) Adakah terdapat perbezaan kepuasan kerja guru berdasarkan pengalaman mengajar?
- e) Adakah terdapat perbezaan kepuasan kerja guru berdasarkan jantina?
- f) Apakah terdapat hubungan yang signifikan di antara stail kepimpinan pengetua dengan kepuasan kerja guru-guru sukan di sekolah-sekolah yang dikaji?

1.4.3 Hipotesis Kajian

Berdasarkan jangkaan hipotesis, tujuan dan soalan tentang stail kepimpinan pengetua dan kepuasan kerja guru sukan di sekolah daerah Keningau, maka hipotesis dibina untuk menjawab soalan asas kajian.

- Ho₁ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara bentuk stail kepimpinan pengetua dengan tahap kepuasan kerja guru sukan.
- Ho₂ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kepuasan kerja dengan umur
- Ho₃ : Tidak terdapat perbezaan kepuasan kerja guru berdasarkan pengalaman mengajar.
- Ho₄ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kepuasan kerja guru berdasarkan jantina

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dibuat adalah yang berkaitan tentang pelaksanaan stail kepimpinan pengetua dan hubungannya dengan kepuasan kerja di kalangan guru-guru sukan di sekolah perlu dijalankan bertujuan untuk menilai semula sistem pengurusan dan pentadbiran di sekolah masa kini. Pihak pengetua seharusnya peka terhadap kehendak atau kemahuan stafnya bagi menentukan keberkesanan mutu kerja (kualiti) dan kesejahteraan diri (kepuasan sendiri). Selain daripada itu, kajian ini dapat dijadikan sebagai satu maklumbalas kepada pihak-pihak yang berkaitan dalam Kementerian Pelajaran Malaysia yang sentiasa berusaha untuk memperbaiki tahap kelancaran dan kelicinan proses pentadbiran di sekolah yang secara tidak langsung memberi implikasi terhadap tahap pencapaian akademik dan penglibatan sukan para pelajar.

Akhirnya, selaras dengan perkembangan dunia pendidikan yang semakin meluas dan bersifat global diharapkan kajian ini dapat membantu Kementerian Pelajaran Malaysia mewujudkan institusi persekolahan yang harmoni dan penyayang. Di samping itu juga, iklim sekolah sebegini akan dapat melahirkan individu yang seimbang dari segi prestasi akademik dan penglibatan sukan di tahap yang lebih tinggi (atlit yang berprestasi tinggi).

1.6 BATASAN KAJIAN

Kajian ini terbatas kepada stail kepimpinan pengetua dan kepuasan kerja guru-guru sukan di sekolah-sekolah harian dan guru-guru sukan yang terpilih untuk menjawab soalan kaji selidik ini. Guru yang menjawat jawatan Guru-guru Sukan yang terpilih terdiri daripada guru-guru yang mempunyai kelayakan akademik pada peringkat Sarjana Muda, Diploma Pendidikan dan juga Sijil Perguruan Asas. Mereka terdiri daripada semua kaum dan jantina serta mempunyai latar belakang pendidikan dan kelayakan ikhtisas yang berbeza. Sekolah-sekolah harian yang dipilih oleh pengkaji bagi tujuan kajian ini ialah sekolah-sekolah di daerah Keningau, Sabah.



Pemilihan sampel kajian dilakukan secara rawak mengikut senarai nama sekolah-sekolah yang diperolehi dari Jabatan Pelajaran Negeri Sabah serta maklumat susulan dari Pejabat Pelajaran Daerah Keningau. Oleh itu sampel kajian hanya membataskan kepada hanya sebuah daerah sahaja di Negeri Sabah. Maka segala keputusan, rumusan serta generalisasi kajian hanya boleh dikaitkan dengan guru-guru sukan dan sekolah-sekolah yang terlibat sahaja.

Ketepatan kajian ini juga dipengaruhi oleh kesediaan dan juga ketepatan setiap responden yang terpilih. Mereka adalah terdiri daripada guru yang menjawat jawatan guru-guru sukan di sekolah. Ketepatan dan juga kejujuran guru-guru sukan sekolah dalam menjawab instrumen dalam borang soal selidik yang digunakan sebagai instrumen pengukuran tidak dapat dipastikan tahap kebolehpercayaannya. Sehubungan dengan itu ketepatan dan juga kesahihan data tidak dibatasi oleh faktor-faktor instrinsik ini.

1.7 DEFINISI OPERASIONAL



Hubungan adalah perkaitan satu pembolehubah dengan pembolehubah yang lain. Dalam kajian ini pembolehubah yang digunakan ialah stail kepimpinan pengetua dan tahap kepuasan kerja.

Stail Kepimpinan Pentadbir

Ciri atau proses bagaimana pengetua mempengaruhi guru-guru dan kakitangan sokongannya dalam usaha mencapai matlamat organisasi. Stail kepimpinan pengetua boleh diukur berasaskan “Model Leadership Behaviour Decsription Questionaire” (LBDQ) yang telah diubahsuai oleh Julia Shahari (1996).





Pentadbir (Pengetua)

Orang yang dilantik dan diberikan kuasa oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia untuk mengetuai guru, kakitangan sokongan dan pelajar di sekolah. Di sekolah pengetua adalah sebagai pentadbir dan pemimpin.

Kepuasan Kerja

Keseronokan dalam bekerja tanpa tekanan, rasa bosan dan keadaan kerja yang tidak berulang-ulang. Ia juga dapat disifatkan sebagai perasaan yang diperoleh daripada sesuatu tugas sebagai menepati nilai kerja yang sesuai dengan keperluan individu. Ia diukur dengan menggunakan soal selidik yang pernyataannya dibentuk berasaskan teori dua faktor yang diperkenalkan oleh Herzberg, Mousner dan Saydermaan (1959) dan telah diubah suai oleh Rusli Abdullah (1997).

Kepuasan kerja sebagai keadaan emosi yang menyeronokkan hasil dari pandangan seseorang terhadap pekerjaannya sebagai menyenangkan dan berjaya (Locke 1969) (dalam Jaafar 1995). Kahn (1972) (dalam Rosnani 1997) menyatakan bahawa kepuasan bekerja melibatkan interaksi antara pekerja dan persekitaran pekerjaannya. Kepuasan kerja boleh dikaitkan dengan perasaan sejauhmana pekerja itu menyukai pekerjaannya serta sikap pekerja terhadap keseluruhan kerja yang disandangnya (Raymond dan Daniel 1975) (dalam Jaafar 1995).

Menurut Kasllerberg (1977) (dalam Maznah dan Lourdusamy, A 1993) kepuasan bekerja merujuk kepada keseluruhan orientasi afektif individu terhadap peranan mereka dalam kerja pada masa itu. Sikap positif terhadap pekerjaan yang berhubung rapat dengan kepuasan kerja adalah kesan langsung daripada melakukan sesuatu pekerjaan yang disukai (Middlemist, Hitt dan Green 1993) (dalam Rosnani 1997).



Sekolah

Peringkat menerima pendidikan sekolah yang bermula dengan Darjah Satu atau Prasekolah sehinggalah Tingkatan Enam. Mengikut Akta Pendidikan (1996) sekolah boleh terdiri daripada sekolah rendah, sekolah menengah akademik, sekolah menengah teknik dan sekolah menengah daripada apa-apa perihal lain yang ditentukan oleh menteri dari semasa ke semasa.

Guru-guru Sukan

Orang yang menjalankan tugas atau tanggungjawab dalam melicinkan perjalanan aktiviti sukan dan kokurikulum di sekolah. Mereka ini mempunyai kelayakan atau kemahiran dalam aktiviti sukan dan kokurikulum. Individu yang dipilih memikul tugas ini merupakan individu yang dilihat mampu melatih, mentadbir, mengurus kegiatan sukan dan kokurikulum di sesebuah sekolah. Selain daripada itu, guru-guru sukan juga membawa imej sekolah ketika aktiviti sukan dan kokurikulum yang melibatkan sekolah-sekolah lain kerana selain daripada bijak berinteraksi dengan rakan guru, mereka juga harus berkemampuan dan berkemahiran dalam interaksi sosial dengan warga pendidik seluruhnya.